

# ورتا قنرغن *Warta Penerangan*



JANUARI 2020





# مفكرنكلن اقليكاسي موده اليه جابتن قنرغن

Memperkenalkan

## Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan


- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

**Gunakanlah Aplikasi Kami!**

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



**'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'**



## DI MANAKAH AWDA BOLEH MENDAPATKAN NASKHAH PELITA BRUNEI?

### DAERAH BRUNEI DAN MUARA

- |  |   |
|--|---|
| <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru &amp; Kaunter)</li> <li>2. Rimba Point, Tasek Rimba</li> <li>3. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei</li> <li>4. Hospital RIPAS (Pesakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita &amp; Kanak-kanak)</li> <li>5. Pusat Kesihatan PAPHMWLB, Kg. Rimba, Gadong</li> <li>6. Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan</li> <li>7. Pusat Kesihatan Muara</li> <li>8. Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut</li> <li>9. Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkuring</li> <li>10. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu</li> <li>11. Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam</li> <li>12. Stesen Minyak KOPPMB Jln Menglait</li> <li>13. Stesen Minyak GADONG Jln Gadong</li> <li>14. Stesen Minyak SHAHRYZA Kg. Perpindahan Bunut</li> <li>15. Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>16. Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik</li> <li>17. Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsak</li> <li>18. Stesen Minyak AMANAH Kg. Kilanas</li> <li>19. Stesen Minyak BADAN TANMIAH Kg. Kuala Lurah</li> <li>20. Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong</li> <li>21. Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka</li> <li>22. Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkuring</li> <li>23. Stesen Minyak MABOHAI Jln Kebangsaan</li> <li>24. Stesen Minyak PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar</li> <li>25. Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri</li> <li>26. Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan</li> <li>27. Stesen Minyak DYG MASNI Pekan Muara</li> <li>28. Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima</li> <li>29. Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas</li> <li>30. Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan</li> <li>31. Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong</li> <li>32. Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II</li> </ol> |
|--|---|

### DAERAH TUTONG

- |  |  |
|--|--|
| <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)</li> <li>2. Petani Mall</li> <li>3. Hospital PMMPMHAMB</li> <li>4. Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos</li> <li>5. Pusat Kesihatan Lamunin</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>6. Pusat Kesihatan Telisai</li> <li>7. Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam</li> <li>8. Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran</li> <li>9. Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin</li> <li>10. Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau</li> </ol> |
|--|--|

### DAERAH BELAIT

- |  |  |
|--|--|
| <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)</li> <li>2. Pusat Kegiatan Warga Emas</li> <li>3. Plaza Seria</li> <li>4. Hospital Suri Seri Begawan</li> <li>5. Pusat Kesihatan Sungai Liang</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>6. Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong</li> <li>7. Stesen Minyak ROXANA Seria</li> <li>8. Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara</li> <li>9. Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima</li> </ol> |
|--|--|

### DAERAH TEMBURONG

- |   |   |
|---|---|
| <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)</li> <li>2. Terminal Perahu Tambang</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>3. Kompleks Utama Bumiputra</li> <li>4. Hospital PIHM</li> <li>5. Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang</li> </ol> |
|---|---|



Jika naskhah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun **InfoDeptBN**.







**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**

**Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Reka Letak  
Unit Penerbitan Melayu  
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
Pegawai dan Kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada*  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

## Isi Kandungan Muka

Sekapur Sirih dari Pemangku Pengarah Penerangan	5
Ucapan dari Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan	6
Ketengahkan permasalahan penduduk kampung	6 - 8
Program RRP suntik semangat pelajar cintakan negara	8 - 9
Taklimat Kenegaraan semai semangat patriotisme pelajar	10 - 12
Perkampungan Sivik Lepas an Ijazah inisiatif Jabatan Penerangan	13 -14
PMB wujudkan masyarakat celik ilmu	14 - 15
JAPEM bakal perkenalkan Sistem Kebajikan Negara	16
Peserta PMB lawat Rimba Garden Central	17
Sua Muka tingkatkan hubungan dua hala	18 - 19
Selera Kampung Kita (SKK) serlahkan pelbagai masakan ala kampung	19 - 20
Majlis Tahlil dan Doa Arwah	20 - 21
Kotak Derma Amal (letak dan ambil) Jabatan Penerangan	21
Promosi buku-buku terbitan Jabatan Penerangan	22



**Sekapur Sirih****Pemangku Pengarah Penerangan****Sempena Tahun Baharu 2020**

Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'ala 'Aalihiee Wasahbihee Ajma'een.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah seru sekalian alam, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kerabat-kerabat Baginda, para-para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Warga Jabatan Penerangan yang peramba/saya hormati sekalian.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan selamat menyambut tahun baharu Masihi 2020 kepada semua pegawai dan kakitangan jabatan ini. Rasa kesyukuran yang tidak ternilai ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita semua masih diberikan peluang untuk dapat menghirup udara segar di tahun 2020 dengan keadaan sihat walafiat dan aman damai di dalam sebuah negara yang sangat kita cintai ini.

Dalam kesempatan keemasan ini juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga Penerangan di atas sumbangan dan kerja keras biskita semua dalam melaksanakan program-program yang diunkayahkan oleh jabatan sepanjang 2019 dengan jayanya. Semoga jerih payah dan pengorbanan yang telah biskita berikan itu akan mendapat keredaan Allah dan dikurniakan ganjaran yang setimpal dengannya demi menanai tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada

kita semua sebagai penjawat perkhidmatan awam. Semoga ianya akan dapat dipertingkatkan lagi di masa-masa mendatang.

Mengenai amanah, saya ingin memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam majlis sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-26 pada 12 November 2019 yang antara lain baginda menekankan bahawa amanah adalah wajib diamalkan oleh setiap warga perkhidmatan awam. Jelas baginda lagi, tidak ada maknanya berkhidmat tanpa amanah. Amanah adalah 'tiang seri' keadilan.

Sebagai penjawat perkhidmatan awam adalah memainkan peranan yang besar sebagai jentera kerajaan dalam menanai tanggungjawab masing-masing bagi memenuhi keperluan rakyat dan untuk membangun negara.

Kita perlu sedar bahawa senario dan landskap perkhidmatan awam pada masa ini sudah berbeza berbanding dahulu di mana orang ramai lebih berpengetahuan, secara vokal berani menyuarakan pandangan mereka secara terbuka apatah lagi dengan kemudahan media sosial yang membolehkan penyebaran maklumat dengan lebih cepat dan pantas tanpa dibatasi sama ada ia sahih ataupun palsu.

Ke arah itu, dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai warga perkhidmatan awam, saya menyeru supaya pegawai dan kakitangan jabatan sama-sama menyorot semula 11 ciri rukun akhlak dan etika kerja untuk menjadikan kita penjawat perkhidmatan awam yang berintegriti iaitu amanah, cekap,



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.**

cepat dan tepat, titih, lutan, menghargai masa, berilmu, kreatif dan inovatif, beriltizam, keterbukaan dan akauntabiliti, sabar, tabah dan bersopan santun, meningkatkan produktiviti, berdaya saing, qudwah dan qiadah, setiakawan, syura, bermuafakat dan berjimat cermat.

Kesebelasan rukun akhlak tersebut jika diamalkan sebagai etika kerja dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab setentunya dapat menjadikan kita sebagai penjawat awam yang berintegriti dan berinovasi yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Dalam pada itu juga, sama-samalah kita mempertingkatkan usaha penjimatan penggunaan utiliti seperti penggunaan air; elektrik dan bahan-bahan lain secara berhemah sepertimana seruan pihak kerajaan.

Akhir sekali saya berdoa semoga kita semua dilimpahi rahmat dan sentiasa berada dalam perlindungan dan pertolongan Allah serta sentiasa dipermudahkan dalam menanai tugas dan tanggungjawab kepada agama dan negara melalui pelaksanaan program-program jabatan. Sekian.

Wabillahitaufiq Walhidayah  
Wassalamu Alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.



Ucapan dari

## Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan

Sempena Tahun Baharu 2020



PEMANGKU Timbalan  
Pengarah Penerangan,  
Dayang Sastra Sarini binti  
Haji Julaini.

Bismillahir Rahmanir Raheem Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya jua, kita melangkah ke Tahun 2020. Sememangnya Tahun 2019 meninggalkan banyak kenangan dalam usaha jabatan untuk terus menanai tanggungjawabnya sebagai mulut, mata dan telinga kerajaan.

Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Jabatan Penerangan kerana sama-sama memikul dan menggalas tanggungjawab untuk memastikan semua perancangan, projek dan aktiviti

jabatan berjalan dengan lancar pada Tahun 2019 dan tahun-tahun sebelumnya.

Tahun 2020 masih penuh misteri, namun apa yang pasti, jabatan akan terus melaksanakan semua usahanya ke arah 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.

Tahun 2020 juga akan menyaksikan jabatan sibuk membuat persiapan selaku Jawatankuasa Kecil Penerangan memandangkan negara akan menjadi Pengerusi ASEAN, Tahun 2021. Maka komitmen dan melaksanakan amanah yang diberikan adalah sangat penting terutama sebagai seorang penjawat awam.

Oleh itu marilah kita sama-sama bekerjasama sebagai sebuah pasukan yang mempunyai hala tuju yang sama dalam melaksanakan amanah yang diberikan dengan penuh keikhlasan. Semoga dengan kerjasama yang erat dan padu daripada setiap warga Jabatan Penerangan akan membawa jabatan kepada lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan.

Akhir kata, mudah-mudahan Tahun 2020 akan memberikan kita semua lebih banyak kemajuan dan dikurniakan keberkatan dalam apa jua yang dilaksanakan.

Wassalam.

### Ketengahkan permasalahan penduduk kampung

Berita: Khartini Hamir

Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**B**ERAKAS, Selasa, 21 Januari. - Jabatan Penerangan telah mengadakan Program Muzakarah Penerangan (PMP) bagi Mukim Berakas 'B' yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Jalan 77 Rancangan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan.

Hadir sama menyertai program tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, selaku Penghulu Mukim Berakas 'B' dan Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad selaku Pengerusi program.

Juga hadir 13 pegawai dari agensi-agensi kerajaan, ketua-ketua kampung serta penduduk-penduduk kampung di Mukim Berakas 'B'.

Pemangku Pengarah Penerangan dalam ucapannya menyarankan agar setiap ahli masyarakat di



peringkat mukim dan kampung mempunyai tanggungjawab untuk menjaga dan memastikan keamanan dan keharmonian dengan mematuhi dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh agensi-agensi kerajaan.

Katanya, apa yang diharapkan melalui program tersebut ialah ia akan dapat menjadi pemudah cara bagi penyampaian maklumat dan buah fikiran di antara masyarakat dan agensi-agensi kerajaan sekali gus merapatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat.

Antara isu yang diketengahkan termasuklah isu-isu berkaitan prasarana, kemudahan awam, kebajikan, alam sekitar, sosial, keselamatan, ekonomi dan lain-lain.

Mukim Berakas 'B' berkembang pesat dan maju setanding dengan mukim-mukim yang lain dalam semua aspek, antaranya dalam aspek pendidikan terdapat sekolah vokasional, menengah dan beberapa buah sekolah rendah kerajaan dan swasta serta sekolah-sekolah agama,



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa mempengerusikan Program Muzakarah Penerangan (PMP) bagi Mukim Berakas 'B'.



**AHLI** Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, selaku Penghulu Mukim Berakas 'B' bersama ketua-ketua kampung hadir pada majlis tersebut.



**TURUT** hadir pada program tersebut pegawai-pegawai dari berbagai agensi kerajaan.



## Ketengahkan permasalahan penduduk kampung (sambungan)

Bermula 2015 hingga ke hari ini, Jabatan Penerangan telah melaksanakan PMP di sepuluh mukim di negara ini.

Program bertujuan antara lain sebagai platform untuk memberikan ruang kepada rakyat dan penduduk di mukim-mukim untuk mendengar jawapan bagi isu yang diterima melalui Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung.

Di samping itu, ia juga sebagai platform kepada agensi-agensi kerajaan untuk menyampaikan mesej-mesej atau mengemas kini maklumat-maklumat yang hendak disampaikan kepada para penduduk.



SEBAHAGIAN penduduk di Mukim Berakas 'B' hadir pada program berkenaan.



TURUT dipamerkan untuk dijual ialah buku-buku terbitan Jabatan Penerangan.



PARA penduduk mendaftarkan nama sebelum program bermula.

## Program RRP suntik semangat pelajar cintakan negara (RRP)

Berita dan Foto: Aimi Sani



PENOLONG Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris ketika menyampaikan taklimat 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Januari. - Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) dihasrat untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa serta menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja.

Selain itu ia juga bertujuan untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpinpin dan dalam masa yang sama untuk memberikan kesedaran

sivik kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi Program RRP ke dua buah sekolah secara berasingan di sepanjang bulan Januari 2020.

Kunjungan pertama dimulakan ke Sekolah Menengah Katok (SMK) pada 4 Januari.

Hadir selaku tetamu kehormat





*PARA pelajar Tahun 9 dan Tahun 10 Sekolah Menengah Katok yang hadir ketika mendengarkan taklimat pada Program Rakan Remaja Penerangan tersebut (atas dan bawah).*

pada majlis tersebut ialah Pengetua Sekolah Menengah Katok, Dayang Penroose Saleha binti Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris, tenaga pengajar serta 315 pelajar Tahun 9 dan Tahun 10 sekolah berkenaan.

Program yang sama juga telah diadakan pada 14 Januari lepas dengan berkunjung ke Sekolah

Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB).



*SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah hadir pada program tersebut.*



*GURU Kanan Hal Ehwal Pelajar Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Pengiran Sebah binti Pengiran Haji Momin antara yang hadir pada Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) itu.*

Hadir pada majlis tersebut ialah Guru Kanan Hal Ehwal Pelajar Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Pengiran Sebah binti Pengiran Haji Momin.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah tenaga pengajar serta 156 pelajar Tahun 9 dan Tahun 10 sekolah berkenaan.

Program tersebut telah diisikan dengan taklimat 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam', tayangan klip klip 'Kibarkan Bendera Negara dengan Megah' selain persembahan pentas dan lawak jenaka.



## Taklimat Kenegaraan semai semangat patriotisme pelajar

Berita dan Foto:

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan / Dk.Vivy Malessa Pg. Ibrahim / Saerah Haji Abd Ghani / Noraisah Haji Muhammed / Hernie Suliana Haji Othma/Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman/Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman/ Dk. Nur Hafilah Pg. Osman / Mohd. Sahrizal Haji Said



kepada pelajar dari Tahun 1 hingga Tahun 7.

Pengisian program ialah seperti Taklimat Kenegaraan yang antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tata cara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Para penuntut juga berpeluang menyaksikan klip video, 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' dan menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.

Taklimat pertama telah di adakan di Sekolah Rendah Bakiau di Mukim Lamunin pada 2 Januari



*PENOLONG Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris ketika menyempakan Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Rimba I.*

*ANTARA pelajar-pelajar lelaki Tahun 7 Sekolah Menengah Rimba I yang hadir pada sesi taklimat itu.*

**T**UTONG, Khamis, 2 Januari. – Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara dalam peranan untuk mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri setiap penuntut melalui cintakan raja, bendera negara dan lagu kebangsaan.

Sehubungan itu sepanjang bulan Januari sebanyak 11 siri program

seumpamanya telah diadakan di berbagai sekolah yang tertumpu



*PARA penuntut Tahun 7 Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.*





*SERAMAI 96 pelajar dari Tahun 7 Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Serasa menghadiri Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.*

diikuti pada 7 Januari di Sekolah Menengah Rimba I dan sehari selepas itu di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri (SM PAP) Hajjah Masna, Sungai Akar dan disusuli ke Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin pada 9 Januari.

Taklimat diteruskan kembali pada 13 Januari ke Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Serasa dan diikuti kemudian pada 14 Januari ke Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB), Jalan Kebangsaan serta ke



*TAKLIMAT Kenegaraan turut dimeriahkan dengan Kuiz Kenegaraan.*



*SALAH seorang pelajar Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ketika ditanya soalan semasa menyertai Kuiz Kenegaraan,*



*SEBAHAGIAN pelajar semasa mendengarkan Taklimat Kenegaraan dari Jabatan Penerangan.*



## Taklimat Kenegaraan semai semangat patriotisme pelajar ( sambungan )



Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Daerah Tutong dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) pada 18 Januari.

Pada 21 Januari taklimat telah diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Hussain, Jerudong dan pada 23 Januari taklimat diadakan di Maktab Anthony Abell, Seria dan Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Daerah Tutong, dan Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri.

*PENGETUA Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Dayang Tutty Hyrneeita binti Haji Abdul Latip dan Timbalan Pengetua Pentadbiran bersama para penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan semasa menghadiri taklimat tersebut.*



*SALAH seorang pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Othman ketika menajwab soalan yang diajukan dalam Kuiz Kenegaraan.*



*MURID-MURID Sekolah Rendah Bakiau, Mukim Kiudang berpeluang mendengarkan taklimat dari Jabatan Penerangan.*



*SEBAHAGIAN penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Hussain, Jerudong hadir pada program tersebut.*



*PARA penuntut Tahun 7 Maktab Anthony Abell, Seria semasa menyanyikan lagu kebangsaan pada program tersebut.*



*ANTARA pelajar Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri yang hadir pada taklimat berkenaan.*



*SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja ketika mendengarkan taklimat pada program tersebut.*



## Perkampungan Sivik Lepasn Ijazah inisiatif Jabatan Penerangan

Berita: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Jabatan Penerangan

### Pengenalan

**P**rogram Perkampungan Sivik Lepasn Ijazah Negara Brunei Darussalam adalah antara program-program yang diungkapkan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan sebagai salah satu platform bagi mempersiapkan para peserta lepasn-lepasn ijazah sebagai generasi berwawasan, berkualiti dan berkemahiran tinggi dalam mendepani Wawasan Brunei 2035.

Program Perkampungan Sivik yang dahulunya dikenali sebagai Kursus Sivik Penuntut-Penuntut Seberang Laut telah diperkenalkan sejak 1976 yang mana peserta-peserta pada ketika itu terdiri dari penuntut-penuntut yang menuntut di seberang laut sahaja. Bermula pada tahun 2016, penyertaan dibukakan kepada penuntut-penuntut lepasn ijazah luar dan dalam negara.

### Objektif

Para peserta Perkampungan Sivik Lepasn Ijazah merupakan bakal pemimpin yang akan meneruskan survival bangsa dan negara. Justeru itu, sayugialah mereka ini diberikan kefahaman dan maklumat mengenai falsafah, aspirasi dan matlamat negara serta memberi kefahaman dan maklumat terkini mengenai hal ehwal negara dan kerajaan.

Sejajar dengan perkembangan semasa di mana peluang pekerjaan



*PARA peserta Program Perkampungan Sivik semasa menyanyikan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam dalam salah satu acara yang pernah diadakan.*

lebih kompetitif dan mencabar, para peserta Perkampungan Sivik Lepasn Ijazah perlu didedahkan dengan pelbagai pengetahuan dan pengalaman yang berguna di samping memantapkan fizikal dan mental, meningkatkan ilmu pengetahuan dan pengalaman bagi menghadapi alam pekerjaan atau meneroka peluang-peluang keusahawanan.

### Program yang disediakan

Corak perkampungan sivik ini adalah berteraskan keagamaan, kebudayaan, kepimpinan dan ketatanegaraan. Aktiviti-aktiviti yang bersesuaian telah disusun mengikut keperluan semasa berbentuk taklimat; forum, *Team Building*; lawatan; sesi dialog, serta lawatan ke beberapa institusi kerajaan dan sektor swasta seperti taklimat Jenayah Siber; taklimat Unit Dasar dan Perancangan Tenaga Manusia; taklimat *Unit Ease of Doing Business*; taklimat Wawasan Brunei 2035; taklimat Melayu

Islam Beraja (MIB); taklimat Raja Kita; Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam; taklimat Struktur Pentadbiran Negara Brunei Darussalam; taklimat Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah; taklimat Keselamatan Dalam Negeri; taklimat Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan taklimat Business Start Up (DARe) dan sebagainya.

Para peserta juga mengikuti program keagamaan seperti Kuliah Subuh, mendengarkan tazkirah dan termasuk sembahyang fardu lima waktu berjemaah di samping melaksanakan kerja-kerja Amal Kesukarelawan; kempen kebersihan serta aktiviti sukan dan riadah.

### Cara penyertaan

Bagi para lepasn ijazah yang berminat untuk menyertai, bolehlah menghubungi Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan



## Perkampungan Sivik Lepasian Ijazah inisiatif Jabatan Penerangan (sambungan)

Penerangan di talian 2383400 sambungan 310 semasa waktu pejabat.

Selain itu, maklumat penyertaan juga boleh didapati dari poster-poster promo yang mengandungi QR Kod telah dimuatnaik ke media sosial Jabatan Penerangan iaitu: FB: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Brunei Darussalam; IG: infodept.bn; Twitter: infodept\_bn.

Selain itu poster juga diletakkan di beberapa tempat tumpuan ramai seperti di institut pengajian tinggi tempatan dan masjid-masjid; kotak Pelita Brunei di stesen-stesen minyak dan di akhbar Pelita Brunei.

### Insuran Peserta

Insuran peserta adalah suatu

perkara yang dimestikan mengikut syarat perlindungan dan keperluan program yang melibatkan peserta perkampungan sivik pada nilai premium \$10.00 seorang yang dibiayai oleh Jabatan Penerangan dalam menjaga kebajikan para peserta.

### Harapan

Semoga program-program

yang disediakan tersebut akan menjadikan mereka warga yang dinamik, berkualiti tinggi, inovatif dan mapan di samping membuka ruang yang luas kepada para peserta dalam mencari pekerjaan yang bersesuaian mengikut kelulusan masing-masing di samping menyumbang sebagai pertambahan nilai (value added) kepada mereka.



SEBAHAGIAN peserta semasa mengikuti program tersebut.

## PMB wujudkan masyarakat celik ilmu

Berita: Noraisah Haji Muhammed

Foto : Azmah Haji Ahad / Awangku Mohammad Aminol Adi  
Azraie Pengiran Haji Nikman / Noraisah Haji Muhammed

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan merupakan sebuah program yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan agar masyarakat terutamanya di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya dalam mencapai Wawasan 2035.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait telah mengadakan program seumpamanya bagi Kampung Mumong 'A', Kampung Mumong 'B' dan Kampung



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait bagi Kampung Mumong 'A', Kampung Mumong 'B' dan Kampung Pandan 'C', Mukim Kuala Belait.



Pandan 'C', Mukim Kuala Belait.

Program telah diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Ibu Pejabat Jabatan Penerangan. Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya selaku Pengerusi program tersebut dalam ucapan alu-alunya antara lain menekankan bahawa sebagai rakyat patut bersyukur kerana menikmati berbagai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Tambahnya, selaku rakyat dan masyarakat di negara ini kita perlu melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan seperti majlis suka dan duka, memucang-mucang selain memberikan perhatian dan bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik.

Program kemudiannya disusuli dengan taklimat mengenai Zakat Fitrah dan Zakat Harta daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang disampaikan oleh Pegawai Ugama MUIB, Awang Haji Md. Fahmi bin Haji Abas bersama Pegawai Pelajaran Ugama, Awang Haji Zakaria bin Haji



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (dua, kanan) bergambar ceria bersama para peserta Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Mumong 'A', Kampung Mumong 'B' dan Kampung Pandan 'C', Mukim Kuala Belait.

Ajak yang antara lain menyentuh keterangan bagi agihan-agihan zakat kepada golongan-golongan yang tertentu.

Turut dikongsikan pada taklimat tersebut ialah projek-projek perumahan golongan daif fakir dan miskin yang diungkayahkan bersama Jabatan Perdana Menteri.



PEGAWAI Ugama MUIB, Awang Haji Md. Fahmi bin Haji Abas bersama Pegawai Pelajaran Ugama, Awang Haji Zakaria bin Haji Ajak semasa menyampaikan taklimat pada program berkenaan.



PARA peserta PMB bagi Kampung Mumong 'A', Kampung Mumong 'B' dan Kampung Pandan 'C', Mukim Kuala Belait ketika sesi bergambar ramai.



## JAPEM bakal memperkenalkan Sistem Kebajikan Negara

Berita: Noraisah Haji Muhammed

Foto : Azmah Haji Ahad / Awangku Mohammad Aminol Adi Azraie Pengiran Haji Nikman / Noraisah Haji Muhammed



PEGAWAI Kaunseling dan Pemangku Timbalan Pengawal Pencen-pencen Negara, Dayang Atiqah binti Ibrahim dan Pegawai Pembangunan Masyarakat, Awang Janapi bin Jian semasa menyampaikan taklimat mengenai isu pencen dan bantuan.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari.** - Aktiviti bagi para peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Mumong 'A', Kampung Mumong 'B' dan Kampung Pandan 'C', Mukim

Kuala Belait diteruskan di sebelah petang dengan taklimat dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Taklimat yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Ibu Pejabat Jabatan

Penerangan disampaikan oleh oleh Pegawai Kaunseling dan Pemangku Timbalan Pengawal Pencen-pencen Negara, Dayang Atiqah binti Ibrahim dan Pegawai Pembangunan Masyarakat, Awang Janapi bin Jian yang antara lain menyentuh mengenai isu pencen dan bantuan.

Turut disampaikan pada taklimat tersebut ialah penerangan bagi jenis-jenis bantuan dan perkhidmatan seperti bantuan kebajikan bulanan, bantuan pekerjaan dan keusahawanan, bantuan bencana dan perumahan.

Turut dikongsikan ialah mengenai satu sistem baharu iaitu Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang mana ia akan mula beroperasi pada bulan Februari 2020. Ia merupakan sebuah sistem integrasi dari empat agensi iaitu Kementerian Pendidikan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, MUIB dan JAPEM.



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Mumong 'A', Kampung Mumong 'B' dan Kampung Pandan 'C', Mukim Kuala Belait semasa mendengarkan taklimat yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.



## Peserta PMB lawat Rimba Garden Central

Berita: Khartini Hamir  
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat dibawa melawat ke taman tersebut sambil mendengarkan penerangan dari Penyelaras Projek, Awang Jamalludin bin Haji Yusoff.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Januari.** - Peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Mumong 'A', Kampung Mumong 'B' dan Kampung Pandan 'C', Mukim Kuala Belait mengadakan lawatan ke Rimba Garden Central (RGC) sebagai aktiviti mereka.

Semasa lawatan tersebut para peserta telah dialu-alukan oleh

PARA peserta program semasa melawat ke Rimba Garden Central (RGC).

Penyelaras Projek, Awang Jamalludin bin Haji Yusoff

yang seterusnya memberikan penerangan tentang taman berkenaan.

Turut dikongsi ialah mengenai latar belakang RGC tersebut serta cara memelihara dan menghias bunga-bunga yang ada di taman tersebut agar sentiasa kelihatan elok, cantik dan segar serta subur.

Semasa lawatan tersebut para peserta tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan keindahan taman berkenaan sambil mengabadikan untuk bergambar kenangan.



PARA peserta program semasa melawat ke Rimba Garden Central (RGC).



## Sua Muka tingkatkan hubungan dua hala

Berita: Khartini Hamir  
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan semasa Program Sua Muka yang diadakan di kediaman Pemangku Ketua Kampung Penapar.

**TUTONG, Isnin, 27 Januari.** - Program Sua Muka atau Personal Contact yang diperkenalkan oleh Jabatan Penerangan merupakan sebuah program untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan.

Selain itu ia juga bertujuan untuk menyampaikan maklumat (isu-isu semasa) dan dasar kerajaan, di samping menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian

dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan serta membarigakan maklumat, program, perkembangan dan kemajuan mukim melalui akhbar Pelita Brunei.

Untuk memenuhi hasrat tersebut rombongan Jabatan Penerangan menerusi Cawangan Penerangan Daerah Tutong telah mengadakan program tersebut ke Kampung Penapar yang diadakan di kediaman Pemangku Ketua Kampung Penapar, Awang Haji

Abd Razak bin Haji Sahat.

Mengetuai rombongan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini.

Hadir sama pada program tersebut ialah Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahhuddin berserta pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan penduduk-penduduk Kampung Penapar.

Turut disentuh semasa program tersebut ialah amalan sikap bergotong-royong dan isu kebersihan yang bukan sahaja ditangani oleh pihak kerajaan, tetapi tanggungjawab bersama sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet pada 21 Jamadilakhir 1439 bersamaan 7



ANTARA penduduk kampung semasa mengajukan pendapat pada program berkenaan.



Februari 2018.

Program juga memperkenalkan dan membarigakan aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan, iaitu 'InfoDeptBN' serta tatacara untuk memuat turun aplikasi berkenaan melalui Google Playstore bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS yang mana menerusi aplikasi mudah alih tersebut para pengguna boleh mengakses dan memperoleh beberapa maklumat seperti e-paper Pelita Brunei, Penerbitan, Waktu Sembahyang, Iklan Jawatan Kosong dan banyak lagi.



SEBAHAGIAN penduduk Kampung Penapar yang hadir pada program tersebut.

## Selera Kampung Kita (SKK) serlahkan pelbagai masakan ala kampung

Berita: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Jabatan Penerangan

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Bahagian Pelita Brunei mengadakan Program Selera Kampung Kitani (SKK), iaitu satu program memasak di antara kampung-kampung yang mewakili mukim masing-masing dari keempat-empat daerah, iaitu Daerah Brunei dan Muara; Daerah Tutong; Daerah Belait serta Daerah Temburong.

SKK diperkenalkan oleh Jabatan Penerangan untuk mengukuhkan juga mendekatkan hubungan mesra di antara jabatan bersama masyarakat mukim dan kampung yang sedia terjalin melalui penyertaan mereka dalam program ini, selain untuk mengetengahkan bakat anak-anak kampung melalui masakan.

Setiap kampung hanya dibenarkan menyertai SKK sekali sahaja, di mana resipi-resipi tradisi yang dikongsikan akan dikeluarkan dan dicetak di Pelita Brunei setiap hari Rabu. Bukan itu sahaja, resepi-



ANTARA kampung-kampung yang menyertai Program SKK.

resipi tradisi berkenaan akan atau minuman.  
dibukukan satu masa nanti.

Setiap pasukan hendaklah menyediakan tiga masakan, iaitu dua hidangan utama dan satu pencuci mulut. Masakan boleh sahaja terdiri daripada nasi, ikan, ayam, daging, atau sayur, manakala pencuci mulut boleh terdiri daripada kuih-muih, bubur

Program SKK yang mula diperkenalkan pada 27 Disember 2017 itu dibukakan kepada Rakyat juga Penduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang bermastautin di mukim juga kampung dengan umur tidak



## Selera Kampung Kita (SKK) serlahkan pelbagai masakan ala kampung (sambungan)

kurang 18 tahun ke atas.

Setakat ini, Program SKK menerima sebanyak lebih 150 resepi yang telah dan akan disiarkan di Pelita Brunei setiap Rabu, hasil daripada penyertaan dari 50 buah kampung di seluruh negara.

Alhamdulillah Program SKK mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para penduduk kampung, sama ada terdiri daripada penduduk kampung, Majlis Perundingan Kampung atau Majlis Perundingan Mukim mahupun persatuan.

Program SKK ini diharap akan dapat memperkenalkan masakan tradisional kepada generasi kini, khasnya generasi muda kitani dalam mengetahui, seterusnya mencintai hasil tangan orang kitani sendiri.

Semoga lebih banyak lagi penyertaan juga resipi yang akan diterima, khasnya dari kampung-kampung yang belum menyertai Program SKK ini. Bagi mana-mana kampung yang berminat, bolehlah tampil bersama resepi-resepi tradisi masing-masing untuk dikongsikan bersama para pembaca Pelita Brunei yang setia di luar sana.



### KAMPUNG MERANTI



Foto : Hermie Suliana Haji Othman

#### SAYUR PAKIS

<b>BAHAN-BAHANNYA :</b>	Minyak	tumiskan bawang merah dan
Sayur pakis	Lada	bawang putih serta belacan
Belacan		tumis sehingga naik bau
Bawang merah	<b>CARA-CARA</b>	kemudian masukkan dan
Bawang putih	<b>MEMBUATNYA :</b>	seterusnya masukkan sayur
Udang kering / udang hidup	Panaskan minyak dan	pakis. Kacau sebati,
		perasakan.

## Majlis Tahlil dan Doa Arwah



MAJLIS Tahlil dan Doa Arwah yang diadakan setiap Khamis di Jabatan Penerangan.

### Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

Majlis Tahlil dan Doa Arwah merupakan aktiviti Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang diadakan setiap pagi Hari Khamis.

Sejak sekian lama diadakan di Surau Jabatan Penerangan, majlis tersebut pada tahun ini di tukar formatnya dengan di adakan di setiap bahagian dan unit secara bergilir-gilir di Jabatan Penerangan pada hari dan waktu yang sama.





*PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa hadir pada majlis Tahlil dan Doa Arwah.*

Majlis Tahlil dan Doa Arwah ini juga akan diteruskan dengan membaca ayat-ayat pilihan suci Al-quran pada minggu pertama setiap bulan.

Dengan adanya majlis seperti ini secara langsung merapatkan hubungan pegawai dan kakitangan serta untuk saling lebih mengenali antara satu sama lain disamping

mengingat dan menghargai sumbangan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang telah meninggal dunia.

## **Kotak Derma Amal ( letak dan ambil ) Jabatan Penerangan**

**Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu**

**K**OTAK Derma Amal Jabatan Penerangan merupakan salah satu aktiviti amal berterusan dari pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dalam menghulurkan derma berbentuk barang pakaian, kasut dan peralatan harian yang berguna.

dicadangkan berterusan bermula pada 22 September 2016.

Sehingga kini sebanyak tiga kotak amal telah disediakan dan ianya telah mendapat sambutan yang baik.

Dengan adanya kotak-kotak

berkenaan ia juga telah menarik perhatian orang ramai yang berkunjung ke Jabatan Penerangan untuk mengisi (menderma) pelbagai barangan bagi tujuan amal jariah dan sekali gus yang lainnya mendapatkan barang-barang sumbangan tersebut sebagai keperluan.

Pada tahun 2016 Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media telah diarahkan untuk menyediakan strategi 'Communication Plan' bagi membarigakan derma amal Jabatan Penerangan khususnya kepada pegawai dan kakitangan di Jabatan Penerangan.

Dengan adanya aktiviti tersebut secara langsung memberi kemudahan dan menggalakkan pendermaan bagi pegawai dan kakitangan selain untuk merealisasikan hasrat jabatan bagi menggunakan platform tersebut sebagai wadah terbaik untuk meningkatkan amalan bersedekah.

Strategi bagi mempromosikan kotak derma amal berkenaan



*KOTAK Derma Amal Jabatan Penerangan turut mendapat sambutan dari orang ramai.*



## Promosi buku-buku terbitan Jabatan Penerangan

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu



*KETUA Unit Penerbitan Melayu, Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid dan Ketua Unit Penerbitan Inggeris 1, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim semasa wawancara dalam rancangan Rampai Pagi bagi mempromosikan penjualan bahan terbitan Jabatan Penerangan.*

Seramai dua orang pegawai dari Jabatan Penerangan telah dijemput sebagai tetamu undangan dalam rancangan terbitan Jabatan Radio Televisyen Brunei iaitu Rampai Pagi pada Isnin 13 Januari 2020.

Kedua-dua pegawai tersebut ialah Ketua Unit Penerbitan Melayu, Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid dan Ketua Unit Penerbitan Inggeris 1, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim.

Ketika rancangan yang di siarkan secara langsung tersebut, kedua-dua pegawai dari Jabatan Penerangan berkenaan telah diajukan beberapa soalan mengenai dengan buku-buku terbitan Jabatan Penerangan sejauh ini.

Dayang Noriah dan Dayang Mufidah pada program tersebut menjelaskan bahawa Jabatan Penerangan sejak sekian lama telah menerbitkan buku-buku terbitannya sendiri selain terbitan rasmi Pelita Brunei.

Antara buku-buku terbitan Unit Penerbitan Melayu ialah seperti kompilasi Titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kompilasi Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kompilasi Sabda Anakanda-anakanda selain buku kompilasi ucapan-ucapan Menteri-menteri Kabinet, Khutbah Jumaat, Kenali Negara Kitani dan sebagainya.

Begitu juga Unit Penerbitan Inggeris 1, antara buku-buku yang diterbitkan ialah seperti Koleksi Brunei Today, Koleksi Newsletter Brunei Darussalam, Media Advisory / Student Guidelines dan sebagainya.

Selain dicetak, sebahagian buku-buku ini juga telah dimuat naik di atas talian.

Orang ramai yang ingin mendapatkan buku-buku tersebut bolehlah membelinya di setiap cawangan di Jabatan Penerangan.





# جوالن بوكو تربيتن جابتن قنغن

**DAPATKAN SEKARANG!**

## JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

### HIMPUNAN TITAH



Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
1990 - 1991	\$8.00
2009	\$6.00
2010	\$11.50
2011	\$12.00
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00
2017	\$5.00
2018	\$11.00

### HIMPUNAN SABDA



Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00
2017	\$3.00
2018	\$7.00

### HALUAN



Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015	\$10.00
2016	\$12.50
2017	\$8.50

### BRUNEI TODAY



Edisi	Harga
Sept 2017 - Jubli Emas	\$3.50
Jun 2018	\$2.50
September 2018	\$2.50
Disember 2018	\$2.50
Mac 2019	\$2.50

### BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU



Tahun	Harga
2015 - 2017	\$11.50
2018	\$5.00
2019	\$7.00



**Harga \$3.50**

**KOMPILASI  
SABDA ANAKANDA  
2011-2016**



**Harga \$4.00**

**BRUNEI-MUARA  
DISTRICT**




**Harga \$3.50**

**BELAIT  
DISTRICT**



**TUTONG  
DISTRICT**



**TEMBURONG  
DISTRICT**

### Waktu Perniagaan

**Isnin - Khamis**  
8.00 Pagi – 12.00 T/hari  
2.00 Ptg – 3.00 Ptg

**Sabtu**  
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

**CAWANGAN  
DAERAH TEMBURONG**  
BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,  
BANGAR  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
**TALIAN : 5221342**

**CAWANGAN  
DAERAH TUTONG**  
BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
DAERAH TUTONG, TA1314,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
**TALIAN : 4220290**

**CAWANGAN  
DAERAH BELAIT**  
PEJABAT PENERANGAN  
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,  
KB4333, DAERAH BELAIT,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
**TALIAN : 3224636**

### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TALIAN : 2383400**  
**FAKS : 2382242**

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN



*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242**